

# Bekas Gabenor Bank Negara dilantik penasihat ekonomi PM

BH 18 APR 2007

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengesahkan pelantikan bekas Gabenor Bank Negara, Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman, sebagai penasihat khas ekonomi kepada Perdana Menteri.

Perdana Menteri berkata, pelantikan Ali Abul Hassan adalah bagi membantunya dalam hal ehwal kewangan untuk mempermudah sebarang langkah membuat keputusan.

"Saya banyak kerja sekarang dan ada kerja yang memerlukan kajian lanjut terutama hal kewangan. Saya terpaksa menyerahkan kepada dia untuk melakukannya dan kemudian memberitahu saya supaya mudah bagi saya membuat keputusan," katanya selepas merasmikan kampus Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) di Gombak, dekat sini hari ini.

Mei lalu, Penasihat Bank Negara, Datuk Nor Mohamed Yakcop turut dilantik Penasihat Khas kepada Perdana Menteri bagi hal ehwal kewangan.

Ditanya mengapa perlu beliau mempunyai dua penasihat berkaitan ekonomi dan kewangan, Dr Mahathir berkata mereka bukan semata-mata bertindak sebagai penasihat ekonomi.

"Mereka membuat banyak kerja yang saya tidak boleh lakukan seorang diri. Saya banyak kerja lain. Saya menghabiskan masa pergi ke seluruh negara, menemui rakyat, menghadiri majlis perkahwinan dan acara-acara tertentu," katanya.

Sementara itu, Dr Maha-

thir menolak saranan bahawa ringgit kini terlebih nilai dan berkata mata wang Malaysia itu tidak akan tertekan hingga terpaksa ditambah semula ekoran penyusutan nilai mata wang serantau.

Katanya, hakikat bahawa Malaysia masih mampu untuk bersaing pada peringkat antarabangsa menunjukkan bahawa ringgit tidak terlebih nilai.

"Ringgit boleh dikatakan terlebih nilai sekiranya negara tidak mampu bersaing di peringkat global," katanya.

Dr Mahathir juga berkata mata wang serantau yang lain tidak dijangka akan naik atau jatuh lebih daripada 20 peratus dan kekal di situ.

Perdana Menteri berkata, kelembapan ekonomi akan memberi kesan kepada setiap ekonomi dalam dunia dengan maksud mereka mengurangkan import "tetapi ia tidak

menghendaki penetapan semula di sini."

"Malah, jika kita menambat semula pada kadar lebih rendah bagi menjadikan barang-barang murah dan kompetitif, ia tidak akan menjadi pasaran yang baik bagi produk dan perkhidmatan kita jika permintaan dari Amerika Syarikat bergantung kepada kitaran menurun," katanya.

Dalam sidang akhbar itu juga, Dr Mahathir membidas mereka yang menyalahgunakan istilah "kebebasan media" yang mendakwa kononnya media internet lebih bebas daripada media arus perdana.

Beliau berkata, menerusi Internet, mereka menggesa orang lain melakukan tindakan yang menyalahi undang-undang termasuk membunuh orang dan melakukan perbuatan jenayah seperti menggunakan bahan letupan.

"Inilah kebebasan media, ia bermakna kamu boleh melakukan apa sahaja sesuai hati, kamu berbohong, kamu membuat tuduhan terhadap orang lain, kamu menghasut orang supaya membunuh antara satu sama lain.

"Kita tidak suka kebebasan media seperti itu. Saya terbaca mesej dalam Internet yang menggesa orang supaya membunuh saya. Lain kali, sudah tentu mereka akan meminta orang melontar bom dan semuanya," katanya.

Dr Mahathir diminta mengulas kenyataannya semalam bahawa kerajaan akan mengkaji semula semua undang-undang yang dianggap lapuk untuk di-

sesuaikan dengan perkembangan semasa terutama bagi menangani jenayah menggunakan teknologi maklumat (IT).

Perdana Menteri dilaporkan memberikan contoh Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 yang sekarang dianggap sudah tidak berkesan dalam menanganinya apa yang dilakukan menerusi Internet.

Dalam sidang akhbar itu, Dr Mahathir menegur wartawan media Internet, Malaysiakini.com, yang bertanya sama ada langkah kerajaan untuk memperketatkan lagi Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, akan memberi lebih kebebasan kepada media.

Bagaimanapun, secara berseluruh, beliau berkata: "Kita nak mengeluarkan Malaysia.com... Malaysiakini.com. Tolong beritahu boss anda."

Dr Mahathir juga ditanya sama ada golongan pelajar di negara ini menerima mesej yang sering disampaikan beliau iaitu mereka perlu mempelajari pelbagai ilmu selain mendalam ilmu agama bagi membolehkan umat Islam muncul sebagai umat yang maju.

"Ada jenis-jenis pelajar yang tak celik hati langsung, dia tak nampaklah. Dia sudah tutup hati dia langsung, sudah jadi fanatik dan taksud dengan satu fahaman sahaja serta tidak boleh nampak benda yang benar," katanya.

Ketika ditanya sama ada kerajaan bimbang perkara sebegini akan menjadi aliran di kalangan pelajar, beliau berkata: "Kita akan lawan trend macam itu selagi kita boleh."